

PM yakin Barisan ulangi kemenangan

MI 9 SEP 1991

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri **Datuk Seri** Dr Mahathir **Mohamad yakin** **Barisan Nasional (BN)** akan memenangi pilihanraya negeri Sarawak pada 27 dan 28 September ini.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata, rakyat Sarawak mahu pembangunan dan kestabilan dalam pentadbiran kerajaan di negeri itu dikekalkan dan kerana itu mereka akan memilih BN.

"Saya yakin BN akan menang kerana rakyat Sarawak mahukan kesinambungan dan kestabilan. Tiada apa-apa kebaikan daripada perpecahan atau tekanan kepada kumpulan etnik.

"Semua kaum di Sarawak perlu bekerjasama dan BN adalah satu-satunya badan yang boleh memberi peluang kepada semua pihak memainkan fungsi mereka dalam pentadbiran Sarawak," katanya kepada pemberita setelah melepaskan peserta lumba jalan kaki Polis Diraja Malaysia di Bukit Aman, di sini, hari ini.

Seramai 447 peserta termasuk Timbalan Menteri Dalam Negeri **Datuk Megat Junid Megat Ayob** dan Ketua Polis Negara **Tan Sri Haniff Omar**, menyertai pertandingan itu.

Perdana Menteri meminta semua rakyat pelbagai kaum dan etnik di Sarawak supaya bekerjasama dan mengelakkan perpecahan kerana tidak membawa sebarang kebaikan.

Datuk Seri Dr Mahathir

juga berkata, BN Pusat akan turut memberikan bantuan kepada BN Sarawak (BN3) bagi menghadapi pilihanraya itu.

"Ya kita akan tolong sedikit," katanya sambil menambah beliau akan ke Sarawak selepas melawat Sabah, Rabu ini.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas mengenai kedudukan **Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS)** yang menjadi pembangkang di Sarawak, dalam pilihanraya negeri kali ini. "Saya tidak mahu komen apa-apa mengenai parti itu," katanya.

Dalam pilihanraya kali ini, BN3 merangkumi **Parti Peaka Bumiputera Bersatu (PBB)**, **Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP)** dan **Parti Kebangsaan Sarawak (Snap)** dijanjika ditentang oleh **PBDS**, **DAP**, **Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak (Permas)** dan **Parti Negara Rakyat Sarawak (Negara)**.

Tarikh penamaan calon bagi pilihanraya negeri keenam yang akan merhbut 56 kerusi itu ditetapkan Sabtu ini.

Mengenai lawatan ke Mexico pada 17 September ini, Perdana Menteri berkata ianya bertujuan mengukuhkan hubungan kedua-dua negara di samping meningkatkan jumlah dagangan.

Datuk Seri Dr Mahathir akan ke New York selepas itu untuk berucap di perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 24 September.